

# WARTA SAWIT

Jangan lepaskan  
peluang  
memenangi RM50  
Sertai Kuiz Sawit  
SEKARANG!!!

Boleh didapati secara on-line di <http://palmoilis.mpob.gov.my/V4/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan

Bil. 88 (3)/Sep-Dis 2024



## Persidangan Kebangsaan **PEKEBUN** Kecil Sawit 2024

*Pekebun Lestari. Memperkasa Ekonomi.*



**Pekebun  
Lestari  
Memperkasa  
Ekonomi**



ISSN 1394-4975



**Penerbit MPOB**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
Kementerian Perladangan dan Komoditi  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



## Sidang Penerbit

### PENASIHAT

Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir

### PENGERUSI

Dr. Ramle Moslim

### TIMBALAN PENGERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Zaki Aman

### PENYUNTING

Dr. Meilina Ong Abdullah

Mohd Saufi Awang

Iptisam Abdul Wahab

Johari Minal

Raja Zulkifli Raja Omar

Dr. Anita Taib

Dr. Norkaspi Khasim

Mohd Shahrin Rahami

### SETIAUSAHA

Shafirul Ab. Wahab

### EDITORIAL

Humaira Mat Taib

Zaidiana Mohd Zaid

Nurul Safinaz Nor Fauzi

Anizah Othman

Rizal Abd Rahim

Akram Mohamad Ismail

Saiful Bahri Ahmad

## KANDUNGAN

● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2024: Pekebun Lestari, Memperkasa Ekonomi	4
● Artikel Khas - Belanjawan 2025: Memacu Industri Sawit Berdaya Maju	8
● Sudut Teknologi	10
● Kuiz Sawit	14
● Sembang Sawit	16
● Tahukah Anda?	17
● Berita Bergambar	20
● Diari & Program	22
● Prestasi Sawit	27
● Peladang Jaya	29
● Direktori MPOB	32

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



## DARI MEJA

## KETUA PENYUNTING



Dr. Zaki Aman

Pengarah Bahagian Pengembangan

Pekebun Kecil dan Pensijilan

zaki@mpob.gov.my

Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sentiasa berhasrat memperkasakan pekebun kecil dengan fokus untuk mempertingkatkan produktiviti, menggalakkan amalan pertanian mampan, mengukuhkan pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu serta memantapkan industri hiliran.

Oleh itu, MPOB telah mengemukakan Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit (PKPKS) pada 20 hingga 21 Ogos 2024 di Hotel Holiday Inn, Melaka dengan tema 'Pekebun Lestari, Memperkasa Ekonomi'.

Persidangan ini telah dihadiri hampir 600 orang peserta yang terdiri daripada pekebun kecil sawit, pengusaha tanaman sawit, para pegawai dari pelbagai agensi pengembangan serta sektor swasta dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi. Acara dwi-tahunan ini adalah platform bagi mengukuhkan kerjasama antara pekebun kecil dan pihak berkepentingan lain dalam industri sawit, di samping membincangkan pembangunan dan hala tuju sektor pekebun kecil sawit di Malaysia dan di peringkat global. Persidangan kali ini juga meraikan lebih satu dekad penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) dengan penganugerahan KPSM terbaik mengikut zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tanaman sawit memberikan pendapatan lumayan tetapi ia juga mempunyai cabaran tersendiri yang

boleh mengurangkan atau menjejaskan produktiviti tanaman sawit. Sudut Teknologi kali ini akan menerangkan mengenai Garis Panduan Pengurusan Penyakit Reput Pangkal Batang (RPB) Ganoderma. Penyakit RPB dapat dikawal dengan berkesan jika garis panduan pengurusan penyakit tersebut dilaksanakan dengan teratur. Setiap peringkat melibatkan teknik pengurusan penyakit yang berbeza bagi mengurangkan impak penyakit ini. Bancian penyakit adalah penting untuk menilai perkembangan penyebaran mengikut garis masa tertentu. Jika bancian kehadiran penyakit Ganoderma RPB mencatatkan insiden penyakit >5%, disarankan supaya pekebun kecil menjalankan kaedah sanitasi yang melibatkan penyingkiran tanah dan akar berpenyakit diikuti dengan racikan batang sawit mengikut saiz bersesuaian.

Sudut Tahukah Anda kali ini menerangkan panduan dan faedah kepada pekebun kecil mengenai aplikasi Sawit Intelligent Management System (SIMS). SIMS membolehkan pengurusan maklumat yang komprehensif, meningkatkan kecekapan industri dan menjimatkan kos. Selain itu, ia membolehkan pemantauan dan pengesanan yang cekap di sepanjang rangkaian bekalan (supply chain) sawit. Pekebun kecil dan pemilik ladang boleh mengakses maklumat rekod jualan buah kelapa sawit (BKS) secara harian/bulanan, harga jualan, maklumat pembeli, berat, gred dan harga tawaran pembelian BKS oleh pembeli BKS. Berdasarkan harga tawaran pembelian BKS ini, pekebun kecil boleh membuat pilihan untuk menjual kepada pembeli yang menawarkan harga yang berpatutan. Sistem ini disediakan bagi membantu pemegang lesen terutama pekebun kecil sawit

mendapat maklumat jualan yang benar dan tepat serta mengurangkan kadar manipulasi oleh pembeli. Ia juga menyediakan kebolehkesanan (traceability) sumber bekalan bagi menyokong keperluan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Pada Edisi kali ini, kami mengetengahkan penerima Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Terbaik mengikut zon bersempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit (PKPKS) 2024 di Melaka. KPSM Daerah Bera Berhad telah memenangi KPSM Terbaik Zon Semenanjung dengan jumlah ahli seramai 163 orang, koperasi ini telah berjaya menjual buah tandan segar (BTS) sebanyak 7,061.60 tan bernilai RM6.64 juta pada tahun 2023. KPSM Daerah Keningau Sabah Berhad pula merupakan pemenang bagi KPSM Terbaik Zon Sabah dengan 392 orang ahli dan jualan BTS sebanyak 32,876.35 tan (RM22.80 juta) pada 2023. Bagi Zon Sarawak pula, pemenangnya adalah KPSM Bau Berhad dengan keahlian seramai 186 orang, jualan BTS pada tahun 2023 sebanyak 22,662 tan bernilai RM15.81 juta. KPSM Bau Berhad telah memberi pulangan kepada ahlinya dengan bayaran dividen pada kadar 100% dan bayaran rebat jualan RM5.00 per tan dan merupakan antara pembayaran KPSM yang tertinggi.

MPOB terus diberi peranan penting dalam memperkasakan pekebun kecil sawit persendirian dan komuniti ke arah membentuk masyarakat madani. Hasil daripada bimbingan MPOB dan komitmen pekebun kecil, sasaran bagi menjadikan industri sawit sebagai pemangkin pembangunan ekonomi negara akan dapat dicapai.

**Bagi mendapatkan senarai penuh tapak semaian yang mempunyai**

**Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN), sila layari:**

**<http://copn.mpob.gov.my/index.php/elementor-2875/>**



# PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2024: PEKEBUN LESTARI, MEMPERKASA EKONOMI



Penulis:  
Nur Hana Basaruddin dan  
Nurul Safinaz Nor Fauzi  
nurhana@mpob.gov.my



YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani menyampaikan ucapan perasmian sempena Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2024 di Hotel Holiday Inn, Melaka.

'Pekebun Lestari, Memperkasa Ekonomi' menjadi tema Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit (PKPKS) yang telah dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada 19-21 Ogos 2024 di Hotel Holiday Inn, Melaka. Persidangan yang telah dihadiri oleh hampir 600 orang peserta yang terdiri daripada pekebun kecil sawit, pengusaha tanaman sawit, para pegawai dari pelbagai agensi pengembangan serta sektor swasta yang terlibat dalam industri sawit telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi.

Acara dwi-tahunan ini penting bagi pihak yang terlibat mendapatkan maklumat berkaitan teknologi terkini industri sawit bagi membantu mereka meningkatkan produktiviti dan pendapatan melalui amalan pertanian mampan. Platform ini juga membantu mengukuhkan kerjasama antara pekebun kecil dan pihak berkepentingan lain dalam industri sawit, di samping membincangkan pembangunan dan hala tuju sektor pekebun kecil sawit di Malaysia dan di peringkat global.

## MEMPERKASA PEKEBUN KECIL

YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani dalam ucapan perasmian menyatakan di bawah Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030), kerajaan melalui Kementerian Perladangan dan Komoditi komited untuk memperkasa pekebun kecil sawit, memberi fokus untuk mempertingkatkan produktiviti, menggalakkan amalan pertanian mampan, mengukuhkan pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu serta memantapkan industri hilir. Beliau turut menyatakan matlamat bagi memastikan industri sawit terus menjadi pemacu utama ekonomi negara, menyediakan peluang pekerjaan, dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dan akan terus memperkasa peranan pekebun kecil dalam meningkatkan pengeluaran mampan dan penglibatan dalam sektor hilir.

Bagi meningkatkan daya saing dan keberhasilan tinggi di kalangan pekebun kecil persendirian, kerajaan telah memperkenalkan Skim Insentif Pembiayaan Tanam Semula



YB Menteri KPK melawat ke reruai pameran sempena PKPKS 2024.

Pekebun Kecil Sawit (TSPKS 2.0). Skim ini membolehkan pekebun kecil mendapatkan pembiayaan untuk menanam semula pokok sawit yang tua dan kurang produktif. Kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif seperti Skim Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa) dan Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Insentif ini membantu memaksimumkan penggunaan tanah dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil sawit semata-mata.

Beliau turut menggalakkan kerjasama dalam kalangan pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti hasil sawit melalui penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Sehingga Jun 2024, terdapat 70 buah KPSM di seluruh Malaysia yang membantu pekebun kecil menjual buah tandan segar (BTS) secara berkelompok dan terus ke kilang dengan harga lebih tinggi, seterusnya meningkatkan pendapatan mereka melalui dividen dan rebat tahunan. Semasa sesi temubual bersama pihak media, YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani menggesa KPSM di bawah MPOB untuk memainkan peranan proaktif memajukan ladang sawit terbiar menerusi projek penanaman semula bagi meningkatkan pengeluaran komoditi itu. Ini kerana terdapat kira-kira 1.7 juta hektar tanaman sawit berusia lebih 19 tahun dan sekiranya tidak ditangani segera, ia akan memberi impak besar terhadap pengeluaran dan eksport minyak sawit.

Beliau turut mengambil kesempatan untuk menyentuh mengenai Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang telah

dilancarkan pada 19 November 2013. Komitmen kerajaan untuk terus meningkatkan pengeluaran minyak sawit mampan sektor pekebun kecil adalah seiring dengan permintaan global terhadap minyak sawit yang mampan. Sehingga Jun 2024, seramai 203,208 orang pekebun kecil persendirian telah memperoleh pensijilan MSPO, melibatkan kawasan seluas 755,681 hektar. Secara keseluruhannya, 438,327 orang pekebun kecil termasuk pekebun kecil tersusun dengan keluasan 1.22 juta hektar telah mendapat pensijilan MSPO.

Sempena majlis perasmian persidangan, YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani telah melancarkan dua buah buku iaitu 'Integrasi Tanaman dan Ternakan di Ladang Sawit' dan 'Kod Amalan Baik Tapak Semaian untuk Tapak Semaian Sawit (CoPN) Edisi Ketiga' yang akan menjadi rujukan utama bagi semua penggiat industri dan pekebun kecil.

#### PENGIKTIRAFAN SUMBANGAN KPSM

Persidangan kali ini juga meraikan lebih satu dekad penubuhan KPSM yang telah memberi impak besar kepada pekebun kecil sawit melalui aktiviti utamanya iaitu urus niaga buah tandan segar, jualan input pertanian dan perkhidmatan pengurusan kebun. Kejayaan KPSM telah diiktiraf di peringkat kebangsaan dan negeri serta membuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan taraf hidup pekebun kecil sawit. Sebagai pengiktirafan atas usaha gigih ini, YB Menteri telah menyampaikan Anugerah KPSM Terbaik untuk Zon Semenanjung yang dimenangi



*YB Menteri KPK bersama pemenang Anugerah KPSM Terbaik 2024 Zon Sabah.*



*Antara aktiviti para peserta lawatan teknikal di Ladang Kempas, SD Guthrie, Jasin, Melaka.*

oleh KPSM Daerah Bera Berhad, manakala bagi Zon Sabah dimenangi oleh KPSM Daerah Keningau Berhad, dan Zon Sarawak dimenangi oleh KPSM Daerah Bau Berhad.

Forum khas turut diadakan buat julung kalinya atas permintaan pekebun kecil, di mana pekebun kecil diberikan peluang untuk bersuara dan berbincang secara langsung dengan panel-panel yang berpengalaman dalam bidang pertanian dan ekonomi. Dalam sesi ini, pelbagai isu semasa yang memberi kesan kepada pekebun kecil telah dibincangkan dengan mendalam. Antaranya termasuklah cabaran mendapatkan input pertanian yang berkualiti, kesukaran memasarkan hasil tanaman dan isu harga yang tidak stabil. Selain itu, terdapat juga perbincangan mengenai teknologi pertanian moden yang boleh digunakan oleh pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil sawit mereka.

## **PENDEDAHAN TEKNOLOGI MEKANISASI**

Atur cara persidangan ini juga merangkumi lawatan teknikal ke Ladang Kempas, SD Guthrie di Jasin, Melaka. Lawatan teknikal ini bertujuan untuk memberikan pendedahan langsung kepada para peserta, khususnya pekebun kecil, tentang pelbagai jenis mekanisasi yang boleh digunakan dan diadaptasi dalam kebun mereka. Para peserta berpeluang melihat demonstrasi mekanisasi secara langsung untuk 10 jenis jentera.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, persidangan ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta mampu memperkukuh pengetahuan, memupuk kerjasama, dan memberikan panduan praktikal kepada pekebun kecil menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang dalam industri sawit.



KEMENTERIAN PERLADANGAN  
DAN KOMODITI



M P O B

# BUDI AGRI-KOMODITI

Inisiatif BUDI Agri-Komoditi merupakan sumbangan tunai kerajaan dalam **Program Bantuan Subsidi MADANI**. Ia adalah sebahagian daripada program penyasaran semula subsidi diesel khusus untuk pekebun kecil dalam sektor agri-komoditi. Pekebun kecil sawit persendirian yang layak akan menerima **bantuan tunai RM200 sebulan (RM2400 setahun)**.



## SYARAT KELAYAKAN

- ★ Pekebun kecil sawit persendirian yang mempunyai lesen menjual buah tandan segar (BTS) yang aktif.
- ★ Luas kebun di bawah 4.5 hektar, terletak di Semenanjung Malaysia.

## MOHON SEGERA!

- ★ Pekebun kecil sawit boleh memohon secara *online* dengan melayari: <https://budimadani.gov.my/account/login.aspx> ATAU
- ★ Hadir ke Pejabat TUNAS MPOB dengan membawa dokumen berikut:
  1. Salinan kad pengenalan.
  2. Salinan profil bank (bagi tujuan pengesahan nombor akaun).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<https://budimadani.gov.my>

1-800-88-2747/03-8882 4565/03-8882 4566

[budimadani@treasury.gov.my](mailto:budimadani@treasury.gov.my)

# ARTIKEL KHAS

## BELANJAWAN 2025: MEMACU INDUSTRI SAWIT BERDAYA MAJU



Penulis:  
Muhammad Shakir Abdul Aziz  
shakir.aziz@mpob.gov.my

Pengumuman Belanjawan 2025 oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2024 bakal menjana kemajuan industri sawit negara. Artikel ini membincangkan peluang-peluang bagi pekebun kecil dan penggiat industri susulan pengumuman belanjawan tersebut serta sasaran kerajaan bagi memastikan industri sawit negara terus mengorak langkah ke arah kemajuan yang lebih pada masa hadapan.

### INSENTIF TANAM SEMULA: MENGEMBALIKAN PRODUKTIVITI LADANG DENGAN POKOK DAN BAKA BAHARU

Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta bagi membantu pekebun kecil melaksanakan program tanam semula dengan benih sawit berkualiti tinggi. Langkah ini diharap dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

Tinjauan MPOB mendapati sekitar 5.13 juta hektar populasi pokok tua di ladang tanaman di Malaysia pada 2023. Pokok tua bukan sahaja mengurangkan hasil, malah turut menjadi beban kepada pengurusan ladang, lebih-lebih lagi bagi pekebun kecil yang bergantung kepada pendapatan hasil sawit mereka.

Dana RM100 juta ini disalurkan melalui Skim Insentif Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS 2.0) yang menyasarkan pekebun kecil persendirian melakukan aktiviti penanaman semula bagi menggantikan pokok sawit tidak produktif. Rugilah sekiranya peluang ini tidak digarap sebaiknya.

Pekebun kecil juga disarankan menggunakan anak benih sawit dari pengusaha tapak semaian yang berlesen dengan MPOB serta mempunyai sijil Kod Amalan Baik Tapak Semaian untuk Tapak Semaian Sawit (CoPN) yang dikeluarkan oleh MPOB.

Untuk memohon TSPKS 2.0, pekebun kecil boleh menghubungi Pejabat TUNAS MPOB dan Agrobank atau melayari [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my) dan

klik pada pautan "Borang-borang Berkenaan Skim Bantuan Pekebun Kecil."

### GALAKAN CUKAI AUTOMASI DAN KENAIKAN GAJI MINIMUM: MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PRODUKTIVITI DI SAMPING MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA TENAGA PEKERJA ASING

Kerajaan menyediakan galakan cukai untuk automasi dan menaikkan gaji minimum kepada RM1,700 sebulan. Langkah ini bertujuan untuk menarik minat pekerja tempatan ke sektor perladangan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, sambil meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi moden seperti dron dan kecerdasan buatan (AI).

Sektor perladangan sawit yang padat dengan tenaga buruh kini boleh mendapat nafas baharu dengan pelaksanaan automasi dan mekanisasi, yang mampu meningkatkan efisiensi dan daya tarikan kepada pekerja tempatan. Generasi muda khususnya, boleh memainkan peranan penting dengan kemahiran mereka dalam teknologi automasi dan digital.

Bagi menyokong usaha automasi sektor perladangan sawit, pihak kerajaan juga menggalakkan golongan muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf yang berminat untuk mengikuti Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) yang ditawarkan oleh Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di Keratong, Pahang. Sejak penubuhannya pada tahun 2005, PLASMA telah melahirkan hampir 3,000 orang tenaga kerja separa mahir khusus bagi bidang mekanisasi ladang sawit.

Pendekatan ini turut disokong dengan agenda pemeraksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) oleh pihak kerajaan bagi memastikan keterjaminan pekerjaan bagi golongan muda tempatan.

### SEMAKAN LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA (WPL): MENYUBURKAN DAYA SAING INDUSTRI SAWIT NEGARA

Belanjawan 2025 juga mengumumkan semakan semula nilai ambang Levi Keuntungan Luar Biasa (WPL) yang akan dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM3,150 satu tan bagi Semenanjung dan daripada RM3,500 kepada RM3,650 satu tan bagi Sabah dan Sarawak. Langkah ini dijangka mengurangkan tekanan kos pengeluaran minyak sawit dan meningkatkan daya saing industri sawit negara.

Penggiat industri merupakan penggerak ekonomi dan perdagangan industri sawit Malaysia. Selari dengan kos pengeluaran

## BELANJAWAN 2025: MEMACU INDUSTRI SAWIT BERDAYA MAJU

### Pengurusan Persepsi Antarabangsa

Usaha menangkis persepsi negatif dan mempromosikan kelestarian industri sawit Malaysia

### Penyelarasan Levi

Ambang levi yang disemak untuk mengimbangi kos pengeluaran



### Insentif Tanam Semula

Sokongan kewangan untuk tanam semula dengan benih berkualiti tinggi

### Automasi dan Kenaikan Gaji

Insentif cukai dan gaji yang lebih tinggi untuk meningkatkan kecekapan

yang kian meningkat, nilai ambang yang lebih tinggi disasarkan dapat mengekalkan daya saing penggiat industri tempatan, di samping memastikan kemampuan serta kelangsungan industri sawit negara bagi menghadapi pasaran global minyak sayuran yang mempunyai persaingan tinggi.

Pengumuman kerajaan untuk meningkatkan kadar WPL diharap dapat memberi ruang kepada penggiat industri terutamanya pengeluar minyak sawit negara untuk memberi fokus kepada pelan jangka panjang seperti penanam semula pokok sawit. Peluang yang diberikan oleh kerajaan diharap dapat dimanfaatkan oleh penggiat industri untuk meningkatkan produktiviti hasil ladang pada masa hadapan.

### MEMPERBETUL SALAH TANGGAP ANTARABANGSA: MEMUPUK PERMINTAAN PASARAN GLOBAL

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM65 juta untuk menangkis salah tanggapan mengenai minyak sawit di peringkat antarabangsa, khususnya dari Kesatuan Eropah (EU). Inisiatif ini juga meliputi usaha meningkatkan kemampuan sektor sawit melalui Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), yang penting dalam meningkatkan reputasi minyak sawit Malaysia di peringkat global.

Saban dekad, industri sawit berdepan dengan pelbagai serangan persepsi negatif antarabangsa. Bukan itu sahaja, label yang mengelirukan pengguna seperti 'bebas minyak sawit' atau 'palm oil free' tersebar luas dalam pasaran yang tidak mempunyai asas serta justifikasi saintifik berkenaan pelaksanaannya.

Melalui dana yang diperuntukkan kerajaan, pelbagai inisiatif bakal diperkenalkan untuk memperkasakan imej minyak sawit di peringkat antarabangsa lantas membuktikan amalan

mampan yang diamalkan oleh Malaysia melalui pensijilan MSPO adalah sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Selain itu, dana tersebut boleh digunakan untuk memperkasakan pekebun kecil persendirian melalui Kluster Minyak Sawit Mampan (SPOC) agar pekebun kecil sawit di negara ini terus mendapat khidmat nasihat dan bimbingan dalam mengamalkan amalan pertanian baik yang selari dengan prinsip kemampuan. Lantas, memberi impak positif kepada kebolehsasaran rantaian bekalan minyak sawit Malaysia.

Industri sawit telah lebih 100 tahun di Malaysia. Pelbagai badan kawal selia dan kemampuan telah ditubuhkan bagi memastikan kelicinan operasi perniagaan, pemprosesan serta aktiviti-aktiviti melibatkan alam sekitar. Di samping itu, pelbagai kepakaran penyelidikan serta sistem pengurusan alam sekitar dibangunkan bagi memastikan kemampuan dan menggalakkan perkembangan industri.

Peruntukan ini juga akan digunakan untuk mempromosikan fakta saintifik dan pencapaian Malaysia dalam pengurusan kemampuan industri.

### MENUJU MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH

Belanjawan 2025 menawarkan pelbagai inisiatif yang dapat membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Dengan memanfaatkan peluang yang disediakan, pekebun kecil dapat memastikan kelangsungan dan kemakmuran industri sawit negara. Sebagai salah sebuah peneraju sektor sawit negara, inilah masanya untuk kita bersama-sama menyokong usaha kerajaan dalam memperkukuh industri sawit, demi masa depan yang lebih cerah dan makmur.

## SUDUT TEKNOLOGI

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENYAKIT REPUT PANGKAL BATANG *Ganoderma*



Penulis:  
Dr. Shamala Sundram  
shamala@mpob.gov.my

### INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Penanaman pokok sawit pertama adalah pada tahun 1917 dan kini selepas 107 tahun, ia merupakan antara tanaman komoditi yang terpenting di Malaysia. Estet Tennamaram adalah ladang tempatan pertama di Malaysia yang menerima konsainan terawal benih sawit komersial iaitu pada tahun 1917 (Kushairi *et al.*, 2017). Tanaman sawit kini telah memasuki generasi ke-4 penanaman semula di Malaysia dan menyumbang kepada 31% daripada pengeluaran minyak dan lemak global. Keluasan tanaman sawit di Malaysia telah mencecah 5.65 juta hektar pada tahun 2023 (Parveez *et al.*, 2024) dan sawit merupakan tanaman yang menyumbangkan hasil yang tinggi kepada ekonomi negara.

### PENYAKIT REPUT PANGKAL BATANG *Ganoderma*

Tanaman sawit mampu memberikan pendapatan yang lumayan tetapi mempunyai cabaran tersendiri yang boleh mengurangkan dan menjejaskan produktiviti tanaman sawit. Antara cabaran penanaman sawit melibatkan penyakit dan perosak (P&D) yang boleh menjejaskan produktiviti tumbuhan dan menyebabkan

kerugian besar ialah penyakit reput pangkal batang (RPB) *Ganoderma*. Ancaman penyakit ini bukan hanya di Malaysia malah juga di beberapa buah negara di Asia yang menanam pokok sawit seperti Indonesia, Thailand, India dan Papua New Guinea. Gejala biasa yang dapat dilihat pada pokok yang dijangkiti adalah pucuk daun pokok tidak berkembang, pelepah daun tua yang kelihatan layu dan kehadiran jasad buah *Ganoderma* pada pangkal batang (Rajah 1). Mengikut bancian terkini yang dijalankan MPOB, kejadian penyakit RPB di ladang dan kawasan pekebun kecil di seluruh negara pada tahun 2017 masing-masing adalah 7.4% dan 9.2% seperti dalam Rajah 2 (Shukri *et al.*, 2020).

Lazimnya, pokok sawit yang terjejas oleh RPB akan dijangkiti pada bahagian pangkal pokok sawit, tetapi patogen yang sama juga menyebabkan penyakit lain dengan sedikit perbezaan dalam simptom jangkitan. Penyakit reput batang atas (RBA) *Ganoderma* yang juga disebabkan oleh *Ganoderma* spp., pula menjejaskan bahagian tengah pokok. Walaupun penyakit RPB *Ganoderma* merupakan penyakit yang paling serius menjejaskan industri sawit negara, namun penyakit RBA juga mencatatkan peningkatan mendadak dalam beberapa tahun kebelakangan ini dengan kebanyakan kejadian dilaporkan di Sabah dan Sarawak serta di Indonesia.

### PENGURUSAN *Ganoderma* RPB BERSEPADU (IGM)


Penyakit *Ganoderma* RPB pokok sawit dapat dikawal dengan berkesan jika beberapa garis panduan pengurusan penyakit tersebut diambil dengan teratur. Pengurusan penyakit boleh dikategorikan kepada dua peringkat penanaman yang berbeza iaitu penanaman semula dan penanaman sedia ada. Pengurusan penyakit pada peringkat penanaman semula adalah berbeza dengan pengurusan di penanaman sedia ada, di mana ia melibatkan dua peringkat iaitu tanaman muda (<3 tahun) dan pada peringkat pokok matang. Setiap peringkat melibatkan teknik pengurusan penyakit yang berbeza untuk menangani penyakit ini dan bagi mengurangkan impak penyakit. Sehingga kini, sebanyak 36 teknologi telah dibangunkan, dipindah dan disebarkan oleh MPOB kepada industri sawit. Sebahagian daripada teknologi ini digunakan oleh industri sewaktu penanaman semula dan penanaman sedia ada. Pengurusan *Ganoderma* RPB Bersepadu (IGM) merupakan gabungan teknik sanitasi, kawalan biologi dan kimia (Rajah 3).



Rajah 1. Gejala penyakit *Ganoderma reput pangkal batang (RBP)* melibatkan pucuk daun sawit tidak berkembang dan pelepah tua layu.


### PENANAMAN SEMULA SAWIT

Jangka hayat produktiviti pokok sawit optimum adalah berbeza mengikut baka sawit. Walau bagaimanapun, secara idealnya, tanaman sawit perlu ditanam semula setiap 25 tahun. Sebelum tanaman sawit ditebang, tinjauan menyeluruh penyakit *Ganoderma* RPB perlu dijalankan oleh ladang yang mempunyai sejarah penyakit ini. Keadaan ini terpakai untuk sanitasi terpilih bagi membolehkan mekanisasi dijalankan dengan garis panduan yang sesuai mengikut simptom penyakit. Bancian penyakit adalah penting untuk menilai perkembangan penyebaran penyakit dalam garis masa tertentu. Jika bancian kehadiran penyakit *Ganoderma* RPB mencatatkan insiden penyakit >5%, adalah disarankan untuk menjalankan kaedah sanitasi seperti dalam *Rajah 4* yang melibatkan penyingkiran tanah dan akar berpenyakit diikuti dengan racikan batang sawit mengikut saiz bersesuaian. Pada masa yang sama, aplikasi kawalan biologi hasil daripada penyelidikan MPOB seperti GanoEF™, Trichoshield™, Embio™ ActinoPLUS dan IM-BioGuard pada lubang tanaman adalah disyorkan bagi menangani penyakit dengan lebih baik.



Rajah 2. Taburan penyakit *Ganoderma reput pangkal batang (RBP)* di kalangan pekebun kecil yang menyertai Skim Insentif Tanam Semula Sawit (TSSPK) di Malaysia.

Sumber: Shukri et al. (2020).



Rajah 3. Carta Alir Pengurusan Ganoderma RPB Bersepadu (IGM).



Rajah 4. Teknik sanitasi semasa penanaman semula pokok sawit. a) Bancian penyakit dijalankan dan pokok berpenyakit ditandakan. b) Menolak pokok sawit yang dijangkiti menggunakan jengkaut yang mempunyai baldi pemotong khas. c) Menggali tunggul dan gumpalan akar pada kepanjangan 1.5-2.0 m x lebar 1.5-2.0 m x kedalaman 1.0-1.5 m sekitar 2-3 bulan sebelum penanaman semula/semasa penanaman semula. d) Potongan batang pada ketebalan <10 cm. d) Serpihan biojisim batang. (e) Serpihan biojisim tersusun antara parit untuk biodegradasi semula jadi. (f) Kekalkan lebar sungkupan pada jarak 1-1.5 m dari titik penanaman baharu. (g) Menanam pokok sawit baharu di sepanjang titik penanaman baharu dan bersebelahan serpihan biojisim.

## PENANAMAN SAWIT SEDIA ADA

Pengesyoran garis panduan pengurusan penyakit *Ganoderma* RPB pada tanaman sawit sedia ada terbahagi kepada pokok muda/tidak matang dan pokok matang. Jika kehadiran gejala penyakit dikesan pada pokok tidak matang/muda (<10 tahun) yang melibatkan gejala kekuningan pada satu sisi pelepah daun, pelepah layu atau kehadiran jasad buah, adalah disyorkan untuk mengeluarkan pokok tersebut dan diikuti dengan penyulaman dengan pokok baharu. Tanah berserta pokok yang dijangkiti haruslah dibuang berjauhan untuk mengelakkan jangkitan pada pokok berdekatan. Aplikasi kawalan biologi juga digalakkan untuk menggiatkan kehadiran populasi mikrob berkesan pada sistem akar sawit. Bagi pokok matang pula, kawalan kimia menggunakan racun Hexaconazole (bahan aktif AI) disyorkan untuk meningkatkan jangka hayat pokok berpenyakit. Walau bagaimanapun, kaedah kawalan kimia hanya disyorkan pada pokok yang aktif berbuah tanpa sebarang gejala pada pelepah.

## BUKU GARIS PANDUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN PENYAKIT REPUT PANGKAL BATANG *Ganoderma*

Selama beberapa tahun, pihak MPOB telah meneliti dan mendapati bahawa kaedah IGM berjaya mengurus penyakit ini dengan berkesan di lapangan. Justeru itu, buku yang menjelaskan teknologi yang digunakan secara holistik dalam IGM dengan pendekatan

yang mudah untuk membimbing penanam, penyelidik dan ahli akademik telah diterbitkan. Setiap bab di dalam buku ini membincangkan tentang Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disertakan dengan imej yang sesuai agar dapat memberikan gambaran yang lebih jelas pada setiap fasa pengurusan penyakit ini. Maklumat tambahan yang berkaitan bagi memahami penyakit serta garis panduan eksperimen yang berkaitan juga disediakan bagi yang menjalankan penyelidikan *Ganoderma*. Buku ini kini dijual di Palmshoppe, Ibu Pejabat MPOB dan boleh dibeli menggunakan kod QR (Rajah 5).

## RUJUKAN

- Kushairi, A., Singh, R., & Ong-Abdullah, M. (2017). The oil palm industry in Malaysia: Thriving with transformative technologies. *Journal of Oil Palm Research.*, 29(4), 431-439.
- Parveez, G. K. A., Leow, S-S., Kamil, N. N., Madihah, A. Z., Ithnin, M., Ng, M. H., Yusof, Y. A., & Idris, Z. (2024). Oil palm economic performance in Malaysia and R&D progress in 2023. *Journal of Oil Palm Research.* <https://doi.org/10.21894/jopr.2024.0037>
- Shukri, M. I., Idris, A. S., Hefni, M. R., Izzuddin, M. A., Norman, K., Khairuman, H. & Zulkifli, M. (2020). Surveillance of *Ganoderma* disease in oil palm planted by participants of the smallholders replanting incentive scheme in Malaysia. *Journal of Oil Palm Research* 32 (2), 237-244. <https://doi.org/10.21894/jopr.2020.0024>.



Rajah 5. Buku terbitan MPOB yang bertajuk “Garis Panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Penyakit Reput Pangkal Batang *Ganoderma* kini boleh dibeli menggunakan kod QR.

# ????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Tiga pembaca Warta Sawit berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM50** sekiranya berjaya menjawab lima soalan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat Penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit*, kecuali kakitangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan ahli keluarga;
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **28 Februari 2025**; dan
- Keputusan juri adalah muktamad

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

**Kuiz Warta Sawit**  
**Lembaga Minyak Sawit Malaysia,**  
**6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,**  
**43000 Kajang, Selangor, Malaysia.**  
 u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
 Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil  
 dan Pensijilan

melalui Aplikasi *WhatsApp* 017-821 9693  
 ATAU emelkan kepada [wartasawit@mpob.gov.my](mailto:wartasawit@mpob.gov.my)



**SUMBER MAKLUMAT  
 UNTUK MENJAWAB  
 SOALAN KUIZ  
 INI ADALAH  
 BERDASARKAN  
 ARTIKEL-ARTIKEL  
 DALAM WARTA  
 SAWIT BIL. 88(3)/  
 SEPT - DIS 2024**



## SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 88(3)/ SEPT-DIS 2024

1. Apakah SIMS?
  - a) Sebuah sistem yang dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).
  - b) Memudahkan pematuhan syarat lesen mengikut keperluan perundangan MPOB.
  - c) Membolehkan pengurusan maklumat transaksi urus niaga di sepanjang rantaian bekalan minyak sawit.
  - d) Semua di atas.

2. Siapakah pengguna SIMS?
  - a) Pekebun kecil dan peniaga
  - b) Kilang buah kelapa sawit, kilang pelumat dan kilang penapis
  - c) Pengeksport/ pengimport
  - d) Semua di atas
3. Apakah bahan aktif kimia yang digunakan sebagai kawalan kimia penyakit *Ganoderma* RPB?
  - a) Hexaconazole
  - b) Propiconazole
  - c) Terbuconazole
  - d) Penconazole
4. Selain Malaysia, negara lain yang turut mengalami gejala penyakit *Ganoderma* RPB ialah
  - a) Papua New Guinea
  - b) Thailand
  - c) India
  - d) Semua negara di atas
5. Apakah tema Persidangan Kebangsaan Pekebun Pekebun Kecil Sawit 2024?
  - a) Pekebun Mampan, Memperkasa Ekonomi
  - b) Pekebun Lestari, Memperkasa Ekonomi
  - c) Budi Disemai, Bakti Dituai
  - d) Amalan Berubah, Hasil Bertambah

Nama : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

### JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT BIL. 87(2)/ MEI-OGOS 2024

1. C    2. C    3. B    4. B    5. B

# STATISTIK PEKEBUN KECIL SAWIT PERSENDIRIAN MALAYSIA



SEHINGGA  
NOVEMBER  
2024

## PENGERTIAN PEKEBUN KECIL

Pekebun Kecil Sawit Persendirian ditakrifkan sebagai pekebun kecil yang memiliki keluasan tanaman sawit tidak melebihi daripada 100 ekar atau bersamaan 40.46 hektar.

## BILANGAN PELESEN PEKEBUN KECIL (PK) SAWIT PERSENDIRIAN DAN KELUASAN (HEKTAR)

### MALAYSIA



214,346 PK

820,556.22 ha

### MENGIKUT WILAYAH

BILANGAN PEKEBUN KECIL

KELUASAN TANAMAN SAWIT (ha)



Sumber

Rekod Pendaftaran Pekebun Kecil (MPOB)/E-Lesen PK

## Sudut Renungan



Keutamaan ilmu, belajar dan mengajarkan ilmu sangat penting dalam Islam. Di antara keutamaan ilmu dalam Islam adalah orang berilmu diangkat darjatnya dan akan diberi kebaikan dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Mujadalah [58]:11 yang bermaksud:

*Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di kalangan kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."*

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah [2]: 269 yang bermaksud:

*"Allah menganugerahkan al-hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al Quran dan As-Sunnah) kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan barangsiapa yang dianugerahi hikmah, ia benar-benar telah dianugerahi kurnia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang barakallah yang dapat mengambil pelajaran."*

SEMBANG SAWIT





## APLIKASI SAWIT INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (SIMS) - PANDUAN DAN FAEDAH KEPADA PEKEBUN KECIL



Penulis:  
Azhar Ahmad, Nor Hayati  
Muhammad dan Khairil  
Fais Amat Johari  
zahar@mpob.gov.my

### PENGENALAN

Kerajaan telah melancarkan MyDigital pada tahun 2021 sebagai satu inisiatif untuk Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacuan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital. Antara *outcome* utama rangka tindakan ini adalah untuk mewujudkan masyarakat celik digital tanpa meminggirkan sesiapa. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan semua lapisan masyarakat diberi peluang yang saksama bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berdaya maju dalam ekonomi digital.

Selaras dengan hasrat kerajaan tersebut, MPOB telah mengambil inisiatif untuk membangunkan satu sistem pemantauan dan pengesanan untuk membantu pemegang lesen mematuhi keperluan peraturan MPOB. Selain itu, ia memberi kemudahan kepada pemegang lesen MPOB termasuk pekebun kecil untuk mendapatkan maklumat terkini yang ditawarkan oleh MPOB. SIMS membolehkan pengurusan maklumat yang komprehensif, meningkatkan kecekapan industri dan menjimatkan kos. Selain itu, SIMS membolehkan pemantauan dan pengesanan yang cekap di sepanjang rantaian bekalan (*supply chain*) kelapa sawit.

### MENGAPA SIMS DIBANGUNKAN?

Pada masa ini, pemain industri sawit masih mengamalkan pematuan peraturan yang secara manual, penggunaan teknologi lama dan sistem maklumat yang tidak bersepadu. Justeru itu, terdapat keperluan mendesak untuk pembangunan sistem pengurusan maklumat secara berpusat berteraskan teknologi terkini.

SIMS merupakan sistem rekod perniagaan secara atas talian yang menguruskan rekod perniagaan dengan cepat dan mudah secara sistematik untuk mempermudah peniaga buah kelapa sawit dan pengilang memantau status aktiviti perniagaan dengan cepat dan lengkap. Ianya boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.


### APAKAH OBJEKTIF SIMS?

Secara umumnya pembangunan SIMS bertujuan mencapai hasrat berikut:

- i. Membolehkan kerajaan dan MPOB membuat keputusan yang tepat dan berkesan melalui maklumat yang komprehensif.
- ii. Memperkukuh penyampaian perkhidmatan komoditi pertanian melalui teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan.
- iii. Membolehkan pemantauan urusan niaga keluaran kelapa sawit yang lebih berkesan dan telus.
- iv. Memudahkan pemegang lesen untuk mematuhi perundangan MPOB dan piawai pensijilan.
- v. Memudahkan pemegang lesen untuk menguruskan maklumat dan memperkemas operasi seharian.

### SIAPA PENGGUNA SIMS?

Pengguna SIMS meliputi pemegang lesen di sepanjang rantaian industri sawit bermula dari peringkat pengeluaran buah kelapa sawit hingga peringkat pemasaran keluaran kelapa sawit. Ia terdiri daripada 17 jenis lesen bagi kategori-kategori dari sektor perladangan (hanya untuk kategori pekebun kecil dan estet), pengilangan, perniagaan dan perkhidmatan. Pendaftaran akaun baharu SIMS melalui <http://sims.mpob.gov.my/app> seperti dalam *Rajah 1*.



Rajah 1. Panduan pendaftaran SIMS.

*“Sistem ini disediakan bagi membantu pemegang lesen terutama pekebun kecil mendapat maklumat jualan yang benar dan tepat serta mengurangkan kadar manipulasi oleh pembeli.”*

#### **BAGAIMANA SIMS DAPAT MEMBANTU PEKEBUN KECIL SAWIT?**

Pekebun kecil dan pemilik ladang boleh mengakses maklumat rekod jualan Buah Kelapa Sawit (BKS) secara harian atau bulanan, harga jualan, maklumat pembeli, berat, gred, dan harga tawaran pembelian BKS oleh pembeli BKS. Berdasarkan harga tawaran pembelian BKS ini, pekebun kecil boleh membuat pilihan untuk menjual kepada pembeli yang menawarkan harga yang berpatutan dan menyimpan penyata urus niaga BKS untuk tujuan memantau hasil pengeluaran BKS secara sendiri dan dapat mengelakkan daripada berlakunya manipulasi (Rajah 2).

#### **APAKAH LANGKAH-LANGKAH MPOB BAGI MENGGALAKKAN PEKEBUN KECIL MENGGUNAKAN SIMS?**

MPOB telah menganjurkan jerayawara bermula pada Januari 2024 di seluruh negara untuk menerangkan secara terperinci penggunaan sistem ini. MPOB akan mendidik dan membiasakan pemegang lesen, terutamanya pekebun kecil dalam penggunaan SIMS yang memberi banyak kelebihan dan manfaat serta cekap dan kos yang efektif. Kerjasama daripada semua Peniaga Buah Kelapa Sawit atau Kilang Buah Kelapa Sawit diperlukan bagi MPOB memberi kesedaran dan khidmat nasihat kepada pekebun kecil untuk mengguna



Rajah 2. Sebahagian daripada paparan di telefon pintar mengenai maklumat transaksi pekebun kecil.

